



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.39/2018

SPR NAFI CETAK NAMA MAHIADDIN PADA KERTAS UNDI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menafikan dakwaan yang dibuat oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin kononnya SPR akan mencetak kertas undi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bagi bahagian pilihan raya Parlimen P.143 Pagoh dengan menggunakan nama sebenar beliau iaitu Mahiaddin. SPR menegaskan bahawa nama yang akan dicetak pada kertas undi tersebut adalah seperti mana yang tertera pada ruangan 3 Borang 4 dan 4A yang telah diterima SPR iaitu **Tan Sri Muhyiddin Yassin**.
2. Hasil semakan, dalam laman web SPR dan aplikasi My SPR Semak juga mendapati paparan nama yang tertera adalah Tan Sri Muhyiddin Yassin melainkan nama dalam senarai Daftar Pemilih yang mengikut nama asal seperti mana di kad pengenalan beliau.
3. Berhubung dengan nama beliau yang tertera pada keputusan PRU-13, SPR menjelaskan bahawa nama pemenang pilihan raya apabila diwartakan dalam Borang 16 akan tertera nama penuh atau nama sebenar pemenang dan bukannya nama pada kertas undi. Sehubungan dengan itu, SPR berharap dengan penerangan ini ianya dapat memberikan penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 30 April 2018 / 14 Syaaban 1439H